



**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

Bahagian Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 10, Ibu Pejabat RISDA  
Karung Berkunci 11067  
Jalan Ampang  
50990 Kuala Lumpur.

☎ : 03-42564022

☎ : 03-42576726

Bilangan : ( 21 ) dlm. 8.0/9825.00

Tarikh : 25 April 2006

Kepada

Pesara RISDA ( Ibu Pejabat ) seperti di Lampiran 1.

**ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 23 TAHUN 2006**

**KEMUDAHAN PERUBATAN PESARA**

Dengan hormatnya sukacita dirujuk mengenai perkara di atas.

2. Pengurusan RISDA telah memutuskan untuk memberi tambahan peruntukan belanja perubatan dan penambahbaikan kemudahan rawatan kepada pesara / suami / isteri & anak-anak yang di bawah tanggungan. Tambahan peruntukan ini bertujuan menjaga kesejahteraan dan meningkatkan kesedaran kesihatan. Tambahan peruntukan ialah dari RM250.00 **kepada RM 500.00 sekeluarga setahun berkuatkuasa 1 Januari 2006**. Sesalinan AP 12/2006 dan checklist dikembarkan bersama-sama ini.

3. Tatacara tuntutan adalah seperti berikut :

- 3.1. Pesara hendaklah mendahulukan bayaran kepada mana-mana klinik panel / bukan panel / Klinik Pakar / Swasta dan kemukakan resit asal kepada Ibu Pejabat RISDA atau Pejabat RISDA Negeri / Daerah yang berhampiran dengan tempat tinggal pesara.
- 3.2. Resit-resit bagi bulan November dan sebelumnya dalam tahun berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Tanggungjawab tidak lewat pada / sebelum 1 Disember setiap tahun.
- 3.3. Untuk mengelak bayaran 'TERAKRU' resit-resit bagi bulan Disember hendaklah diterima di pejabat sebelum 5hb Januari setiap tahun. Jika tidak ianya diambil kira sebagai perbelanjaan tahun berikutnya.

3.4. Mana-mana tuntutan daripada SHPB yang belum diselesaikan bayaran oleh pesara akan di ' offset ' dengan membuat potongan terus dari kemudahan RM500 untuk menampung tuntutan SHPB belum berbayar. (AP 12/06 para 2.4)

4. Pihak pengurusan RISDA sangat-sangat mengharapkan kerjasama dari tuan/puan bagi mengelakkan bayaran lewat diterima.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'RISDA EFEKTIF PEKEBUN KECIL PRODUKTIF'**

  
**(RAMLI BIN MOHD KASSIM)**

Pemangku Timbalan Ketua Pengarah  
Pentadbiran & Korporat  
b.p: Ketua Pengarah RISDA

- s.k;
- ❶ Semua PRN
  - ❷ Semua PRD
  - ❸ KPP UKSL ( u.p. Skim SHPB )  
(u.p. Kewangan Am)
  - ❹ Pengarah Bhg. Kewangan & Belanjawan  
( u.p. Pn. Fatimah Bte Rais )
- } Sila uruskan edaran kepada pesara di PT  
tuan / puan untuk makluman kemudahan  
perubatan dan sesalinan kepada Unit  
Perkhidmatan

AAR/sha